

LATIHAN KENDIRI 3

A. Ciri-ciri kesamaan dalam sesuatu permasalahan

Anda merupakan penganjur pertandingan persembahan kebudayaan tarian tradisional peringkat antarabangsa. Jadual berikut menunjukkan negara yang mengambil bahagian

Negara	Jepun	China	Taiwan	Lubnan	India	Nepal	Jordan	Pakistan
Jumlah peserta	7	8	2	4	3	5	6	5

Peserta dibahagikan kepada beberapa bilik persalinan khas yang boleh memuatkan sepuluh peserta pada setiap bilik persalinan. Peserta setiap negara perlu ditempatkan di bilik persalinan yang sama.

Arahan: sila *drag & drop* (seret dan letak) peserta setiap negeri pada bilik persalinan yang disediakan di bawah.

